



---

---

**KERATAN AKHBAR  
DAN MEDIA ONLINE  
UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI  
Y.B. TIMBALAN MENTERI  
Y.BHG. KSU  
Y.BHG. TKSU (PDN)  
Y.BHG. TKSU (PUP)  
SETIAUSAHA AKHBAR**

---

---

**29 OGOS 2022 (ISNIN)**



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN HAL EHVAL PENGGUNA

---

# **KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE (KPDNHEP)**

---

**29 OGOS 2022 (ISNIN)**

## Harga ayam mungkin diapungkan

**LANGKAWI:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) mencadangkan harga ayam diapungkan selepas harga siling bekalan itu tamat pada 31 Ogos ini.

Timbalan Menteri, Datuk Rosol Wahid berkata, cadangan itu dikemukakan Pasukan Khas Jihad Tangani Inflasi dan merupakan salah satu daripada tiga cadangan yang dibawa kepada Kabinet pada Jumaat lalu.

Jelasnya, cadangan lain adalah mengekalkan subsidi sedia ada dan ayam dijual pada harga RM9.40 sekilogram (kg) atau mengurangkan subsidi yang perlu ditanggung kerajaan.

"Jadi tiga pilihan yang kita beri. Sama ada apung yang bermakna kita biarkan pasaran yang tentukan harga dan mungkin dijangka sampai mencecah sehingga RM10.50 hingga RM11.

"Tetapi ia mungkin menimbulkan keresahan kepada masyarakat, kita tak mahu rakyat bersedih dalam keadaan kita gembira menyambut ke-



**ROSOL Wahid (empat dari kanan) menyaksikan Affendi Rajini Khanth menerima sijil Malaysia Book of Records sempena Majlis Penutup Jelajah Kepenggunaan KPDNHEP Kedah di Kolej Vokasional Langkawi, semalam.**

merdeka tiba-tiba harga ayam naik, itu yang kita fikirkan," katanya selepas merasmikan Majlis Penutup Jelajah Kepenggunaan KPDNHEP Kedah di Kolej Vokasional Langkawi, di sini,

semalam.

Walau bagaimanapun, Rosol berkata, keputusan untuk mengambil tindakan itu masih belum dimuktamadkan sepe- nunhnya buat masa ini.

Tambah beliau, pihaknya juga menerima beberapa laporan mengenai kenaikan harga ayam secara perlahan menjelang tamat tempoh subsidi bahan mentah tersebut pada hujung bulan ini.

Katanya, trend peningkatan secara perlahan itu sering dilakukan peniaga bagi mengelak rungutan daripada pengguna sekiranya harga ayam terus dinaikkan secara mendadak selepas tamat tempoh harga subsidi nanti.

Sementara itu, dalam majlis berkenaan, dua sijil Malaysia Book of Records (MBOR) diterima Pengarah KPDNHEP Kedah, Affendi Rajini Khanth bagi Penyertaan Terbesar Dalam Kempen Kesedaran Kepenggunaan dan Bilangan Terbanyak Ceramah Kesedaran Kepenggunaan Diberikan Oleh Seorang Individu.

Program Jelajah Kepenggunaan KPDNHEP yang berlangsung sejak 7 Ogos lalu menyaksikan program itu dibuat di 36 lokasi dan melibatkan 11,076 peserta dari seluruh negeri ini.

# Harga siling ayam RM9.40 sekilogram, tidak diapung

Persetujuan dicapai sebulat suara Jemaah Menteri, perincian lebih lanjut hari ini

**Kuala Lumpur:** Kerajaan bersetuju penetapan harga siling bagi ayam standard di pasaran diteruskan pada harga RM9.40 sekilogram.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Datuk Seri Alexander Nanta Linggi, berkata persetujuan dicapai secara sebulat suara Jemaah Menteri dua hari lalu turut menyaksikan harga ayam tidak akan diapungkan di pasaran sulaian kegusaran ditimbulkan segelintir pihak.

"Perincian berhubung keputusan meneruskan penetapan harga siling bagi ayam standard di seluruh negara akan diumumkan lebih lanjut dalam pasca mesyuarat Jawatankuasa Pasukan Khas Jihad Menangani Inflasi esok (hari ini)," katanya dalam ciapan di Twitter rasmi, di sini semalam.

Kerajaan sebelum ini menetapkan harga siling runcit ayam standard RM9.40 sekilogram untuk tempoh 1 Julai lalu hingga 31



Alexander beramah mesra dengan peserta Program Kita Pengguna di ibu negara, semalam.

Ogos ini, manakala harga siling runcit telur ayam bagi gred A pada 45 sen sebiji; gred B (43 sen sebiji) dan gred C (41 sen sebiji) di Semenanjung

#### Bekalan semakin stabil

Bagaimanapun pada 30 Julai lalu, Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPD-

NHEP), Datuk Azman Mohd Yusof, dilaporkan berkata mekanisme pelaksanaan harga siling ayam standard RM9.40 sekilogram di Semenanjung mungkin tidak akan diteruskan kerajaan selepas 31 Ogos, memandangkan bekalannya didapati semakin stabil hari demi hari.

Ini kerana, harga pasaran ayam bulat sekarang berada di

bawah siling, malah terdapat penjual menawarkan harga se-rendah RM6.99 sekilogram.

Sebelum ini Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Ronald Kiang, dalam satu kenyataan berkata kerajaan akan mengkaji semula penetapan harga siling ayam standard serta kebenaran mengeksport selepas 31 Ogos ini. **BERNAMA**

CABINET DECISION

## Ceiling price for chicken to remain at RM9.40 per kg

**KUALA LUMPUR:** The ceiling price for chicken will remain at RM9.40 per kg, said Domestic Trade and Consumer Affairs Minister Datuk Seri Alexander Nanta Linggi.

He said the matter was decided at the cabinet meeting on Friday.

"The decision was unanimous. This means the price of chicken will not be floated, like many had worried," he said on Twitter.

He said more details of the decision to continue with a ceiling price for standard chicken would be released after the Special Task

Force on Jihad Against Inflation meeting today.

On June 29, the government announced that the ceiling price for chicken was RM9.40 per kg, effective July 1 to Aug 31.

The ceiling price for Grade A chicken eggs was set at 45 sen each, Grade B at 43 sen and Grade C at 41 sen in the peninsula.

The new ceiling price for chicken was decided following months of conflict between the authorities and poultry producers after the government initially set the

ceiling price at RM8.90 per kg.

Traders had said the RM8.90 ceiling price was too low for them to make a profit, but consumers continued to decry the escalating cost of chicken.

Among the solutions proposed to handle the issue were floating prices, continuing subsidies or reducing subsidies.

Nanta had said the RM9.40 ceiling price was decided after taking into account the interests of all parties, especially breeders, traders and consumers.



**Price remains:** The ceiling price that was set in July seen at a chicken seller's stall in Shah Alam. — IZZRAFIQ ALIAS/The Star.

## Chicken ceiling price stays at RM9.40 per kg

**PUTRAJAYA:** The government has agreed to continue with the ceiling price for standard chicken at RM9.40 per kg, says Domestic Trade and Consumer Affairs Minister Datuk Seri Alexander Nanta Linggi.

He said the Cabinet reached the unanimous decision on Friday, adding that the government also decided not to float chicken prices in response to feedback from several quarters.

"Further details regarding the

decision will be announced after the Special Task Force on Jihad Against Inflation meeting today," he said in a tweet here yesterday.

On July 30, ministry secretary-general Datuk Azman Mohd Yusof said the government might not continue with the ceiling price for chicken that was previously set at RM9.40 per kg in the peninsula after Aug 31 as the chicken supply was stable.

He said the market price of chicken was below the ceiling price, with

some offering prices as low as RM6.99 per kg.

He said the majority of suppliers were no longer facing production issues and there was excess in supply, which had affected current prices.

Previously, Agriculture and Food Industries Minister Datuk Seri Ronald Klandee said that the government would review the ceiling price of standard chicken and the permission to export after Aug 31.

— Bernama



PENASIHAT dan bekas Menteri Mintred, Datuk Mohd Naroden Majas merasmikan Karnival Bumi Kenyalang di Aeon Shah Alam.

## Aeon lancar karnival promosi produk PKS

Kuala Lumpur: Aeon Co (M) Bhd (Aeon) meneruskan misinya membantu perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dan mempromosikan produk tempatan dengan menganjurkan Karnival Bumi Kenyalang dan Kempen Beli Barangan Malaysia.

Program di Aeon Mall Shah Alam sehingga 31 Ogo dilaksanakan dengan kerjasama antara Aeon, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan-Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Miti), Terminal Perindustrian & Pembangunan Usahawan (Mintred), Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak (SEDC) dan Lembaga Pelancongan Sarawak.

Acara ini mengetengahkan produk dan perkhidma-

tan daripada 36 usahawan dari Sarawak yang terkenal selain menampilkan keindahan tarian dan kesenian tradisional Sarawak.

Ketua Pegawai Sumber Manusia merangkap Pengarah Komunikasi Korporat Aeon, Dr Kasuma Satria berkata, pihaknya bersyukur diberi peluang menjadi sebahagian daripada inisiatif kerajaan dalam menyokong pengusaha tempatan dan memperkasakan barangan buatan Malaysia.

"Inisiatif sebegini antara nilai teras Aeon yang sentiasa kami amalkan untuk menyokong pertumbuhan komuniti tempatan kami dan bertindak sebagai warga korporat yang baik dalam berkhidmat kepada masyarakat," katanya dalam satu kenyataan.

Senarai Harga Barang Keperluan	
• Ayam	<b>RM8.19</b>
• Daging Lembu Tempatan	<b>RM44.29</b>
• Daging Lembu Import	<b>RM53.90</b>
• Telur Gred A	<b>RM12.90</b>
• Ikan Kembung	<b>RM9.99</b>
• Minyak Masak	<b>RM6.70</b>
• Gula Pasir	<b>RM2.85</b>
• Bawang Besar Holland	<b>RM3.50</b>
• Bawang Putih	<b>RM4.90</b>
• Cili Merah	<b>RM12</b>
• Kubis Tempatan	<b>RM3.20</b>
• Tepung Gandum	<b>RM2.60</b>

\*Harga (RM/kg) Sumber: KPOH/HEP

**BERITA ONLINE BERTARIKH 29 OGOS 2022**

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
29-Aug	HARGA AYAM   Penetapan Harga Siling RM9.40 Sekilogram Diteruskan	<a href="https://www.buletintv3.my/video/nasional/harga-ayam-or-penetapan-harga-siling-rm940-sekilogram-diteruskan">https://www.buletintv3.my/video/nasional/harga-ayam-or-penetapan-harga-siling-rm940-sekilogram-diteruskan</a>	BULETINTV3
29-Aug	Harga Ayam   Penetapan harga siling RM9.40 diteruskan - KPDNHEP	<a href="https://www.astroawani.com/video-malaysia/harga-ayam-penetapan-harga-siling-rm9-40-diteruskan-kpdnhep-1984721">https://www.astroawani.com/video-malaysia/harga-ayam-penetapan-harga-siling-rm9-40-diteruskan-kpdnhep-1984721</a>	ASTROAWANI
29-Aug	Kabinet putuskan dalam tempoh terdekat harga siling baharu ayam	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2022/08/993819/kabinet-putuskan-dalam-tempoh-terdekat-harga-siling-baharu-ayam">https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2022/08/993819/kabinet-putuskan-dalam-tempoh-terdekat-harga-siling-baharu-ayam</a>	BH
29-Aug	Harga siling ayam kekal RM9.40 sekilogram	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2022/08/876317/harga-siling-ayam-kekal-rm940-sekilogram">https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2022/08/876317/harga-siling-ayam-kekal-rm940-sekilogram</a>	HM
29-Aug	Govt to continue with chicken ceiling price at RM9.40 per kg: Nanta	<a href="https://www.thesundaily.my/home/govt-to-continue-with-chicken-ceiling-price-at-rm940-per-kg-nanta-MB9740428">https://www.thesundaily.my/home/govt-to-continue-with-chicken-ceiling-price-at-rm940-per-kg-nanta-MB9740428</a>	THESUNDAILY
29-Aug	HARGA Siling ayam kekal RM9.40 sekilogram sekilogram kekal tak diapung	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2022/08/993901/harga-siling-ayam-rm940-sekilogram-kekal-tak-diapung">https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2022/08/993901/harga-siling-ayam-rm940-sekilogram-kekal-tak-diapung</a>	BH
29-Aug	Govt to continue with chicken ceiling price at RM9.40 per kg, says Nanta	<a href="https://www.theedgemarkets.com/article/govt-continue-chicken-ceiling-price-rm940-kg-says-">https://www.theedgemarkets.com/article/govt-continue-chicken-ceiling-price-rm940-kg-says-</a>	THEEDGEMARKETS

29-Aug	Ceiling price for chicken to remain at RM9.40 per kg	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.nst.com.my/amp/news/nation/2022/08/826388/ceiling-price-chicken-remain-rm940-kg">https://www.google.com/amp/s/www.nst.com.my/amp/news/nation/2022/08/826388/ceiling-price-chicken-remain-rm940-kg</a>	NST
29-Aug	Harga siling ayam pada RM9.40 sekilogram diteruskan	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/218693">https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/218693</a>	SH
29-Aug	PENETAPAN HARGA SILING AYAM PADA RM9.40 SEKILOGRAM DITERUSKAN	<a href="https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2115289&amp;utm_source=Newswav&amp;utm_medium=Website">https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2115289&amp;utm_source=Newswav&amp;utm_medium=Website</a>	BERNAMA
29-Aug	GOVT TO CONTINUE WITH CHICKEN CEILING AT RM9.40PER KG	<a href="https://www.bernama.com/en/news.php?id=2115298">https://www.bernama.com/en/news.php?id=2115298</a>	BERNAMA
29-Aug	Harga siling ayam di M'sia terus ditetapkan pada RM9.40 sekilogram	<a href="https://berita.mediacorp.sg/dunia/harga-siling-ayam-di-msia-terus-ditetapkan-pada-rm940-sekilogram-686191">https://berita.mediacorp.sg/dunia/harga-siling-ayam-di-msia-terus-ditetapkan-pada-rm940-sekilogram-686191</a>	BERITAMEDIACORP
29-Aug	Harga siling ayam RM9.40 sekilogram diteruskan	<a href="https://www.google.com/amp/s/malaysiagazette.com/2022/08/28/harga-siling-ayam-rm9-40-sekilogram-diteruskan/%3famp">https://www.google.com/amp/s/malaysiagazette.com/2022/08/28/harga-siling-ayam-rm9-40-sekilogram-diteruskan/%3famp</a>	MALAYSIAGAZETTE
29-Aug	Penetapan harga siling ayam RM9.40 sekilogram diteruskan	<a href="https://www.melakahariini.my/penetapan-harga-siling-ayam-rm9-40-sekilogram-diteruskan/">https://www.melakahariini.my/penetapan-harga-siling-ayam-rm9-40-sekilogram-diteruskan/</a>	MELAKAHARIINI
29-Aug	Harga Siling Ayam RM9.40 Sekilogram Kekal, Tak Diapung – Alexander Nanta	<a href="https://suara.tv/28/08/2022/harga-siling-ayam-rm9-40-sekilogram-kekal-tak-diapung-alexander-nanta/">https://suara.tv/28/08/2022/harga-siling-ayam-rm9-40-sekilogram-kekal-tak-diapung-alexander-nanta/</a>	SUARATV
29-Aug	Harga siling ayam standard kekal – KPDNHEP	<a href="https://utusanv.com/2022/08/28/harga-siling-ayam-standard-kekal-kpdnhep/">https://utusanv.com/2022/08/28/harga-siling-ayam-standard-kekal-kpdnhep/</a>	UTUSANTV
29-Aug	Govt to continue with chicken ceiling price at RM9.40 per kg	<a href="https://selangorjournal.my/2022/08/govt-to-continue-with-chicken-ceiling-price-at-rm9-40-per-kg/?utm_source=Newswav&amp;utm_medium=Website">https://selangorjournal.my/2022/08/govt-to-continue-with-chicken-ceiling-price-at-rm9-40-per-kg/?utm_source=Newswav&amp;utm_medium=Website</a>	SELANGORJOURNAL

29-Aug	PENETAPAN HARGA SILING AYAM PADA RM9.40 SEKILOGRAM DITERUSKAN	<a href="https://m.facebook.com/story.php?story_fbid=pfbid0MDp5qzWUAeHE6DXhyuoSj8AjfFBchPAXaC6yTUr3zfDPr5ZRUXZobPErEfJAJq6fl&amp;id=131870563493026">https://m.facebook.com/story.php?story_fbid=pfbid0MDp5qzWUAeHE6DXhyuoSj8AjfFBchPAXaC6yTUr3zfDPr5ZRUXZobPErEfJAJq6fl&amp;id=131870563493026</a>	OHBULAN
29-Aug	KPDNHEP perkenal dimensi baharu advokasi kepenggunaan dalam kalangan masyarakat	<a href="https://berita.rtm.gov.my/index.php/semasa/45985-kpdnhep-memperkenalkan-dimensi-baru-dalam-advokasi-kepenggunaan-di-kalangan-masyarakat">https://berita.rtm.gov.my/index.php/semasa/45985-kpdnhep-memperkenalkan-dimensi-baru-dalam-advokasi-kepenggunaan-di-kalangan-masyarakat</a>	BERITARTM
29-Aug	“Program Kita Pengguna – Pengguna Malaysia Teguh Bersama Bijak Bestari” Memperkenalkan Dimensi Baru Dalam Advokasi Kepenggunaan Di Kalangan Masyarakat	<a href="https://ash-rafzainalgr.wordpress.com/2022/08/28/program-kita-pengguna-pengguna-malaysia-teguh-bersama-bijak-bestari-memperkenalkan-dimensi-baru-dalam-advokasi-kepenggunaan-di-kalangan-masyarakat/">https://ash-rafzainalgr.wordpress.com/2022/08/28/program-kita-pengguna-pengguna-malaysia-teguh-bersama-bijak-bestari-memperkenalkan-dimensi-baru-dalam-advokasi-kepenggunaan-di-kalangan-masyarakat/</a>	BLOG
29-Aug	JELAJAH KEPENGGUNAAN KPDNHEP 2022	<a href="https://youtu.be/zDPOEtXOTnA">https://youtu.be/zDPOEtXOTnA</a>	BERITARTM